

Retorik dalam Era Siberisme

Abu Hassan Hasbullah

PENGENALAN

PERUBAHAN mayatilik¹ manusia berlaku sekali lagi, dan kali ini giliran pemikiran “langit terbuka” dan “dunia serba segera” mengambil alih kedudukan atomisme dan meninggalkan fahaman-fahaman sufi, falsafah, serta etika jauh ke belakang. Sistem berhubung manusia turut sama berubah; amalan-amalan komunikasi klasik seperti perucapan lisan dan penulisan sudah diganti dan diambil alih oleh visual-visual berwarna dan bersuara yang dipanggil multi media (walaupun jika dilihat pada sudut pemaparannya kelihatan seperti mengulang tabiat klasik pra tamadun seperti ukiran dan lukisan di gua-gua). Pengamal komunikasi tersebut tidak perlu lagi bersusah payah menaiki kapal terbang untuk bersemuka dengan khalayak seminarnya, tidak perlu lagi menunggu berhari-hari surat yang diposkan kepadanya, tidak perlu lagi ke kedai buku untuk mendapatkan senaskah akhbar bagi mengetahui berita semasa, tidak perlu lagi menanti mimpi datang untuk memasuki dunia imaginasi. Semuanya telah dieklusifkan dalam jaringan-jaringan hibernasi dawai dan satelit yang memungkinkan apa sahaja kemahuan dan keperluan manusia baik yang bersifat imaginatif maupun yang realistik dipenuhi pada saat dan ketika tuntutan dan cita rasa itu dikehendaki. Dengan kata lain, manusia sudah memasuki era siberisme - era dunia tanpa sempadan - yang menuntut semua pengikut dan pengamal teori komunikasi klasik yang berasaskan pandangan Gorgias, Isocrates, Plato, dan yang lainnya, mengubah arah refleksi dan aksi kemanusiaan agar sesuai dengan gelombang jangkasa² komunikasi yang baru ini. Hari ini dengan pesatnya semua bentuk pengetahuan dan disiplin cuba untuk berubah agar selari dan sekehendak dengan siberisme (walaupun tertanya-tanya kenapa perlu turut serta?) termasuklah ilmu mengenai nilai, estetika, psikologi, ekonomi, politik, bahkan adat dan budaya hidup setempat juga bergerak untuk berubah. Lihat Ong (1990):

Our entire understanding of classical culture now has to be revised - and with it our understanding of later cultures up to our own time - in terms of our new awareness of the role of the media in structuring the human psyche and civilization itself

Persoalannya, di manakah tercampaknya retorik akibat lambungan gelombang perubahan mayatilik manusia ini? Retorik ketika mula dipakai dan mula diketahui fungsi gunanya oleh Corax semasa menentang kezaliman pemerintah kuku besi Thrysabalus hanyalah ditakrifkan sebagai suatu kebolehan, suatu keupayaan, suatu keistimewaan yang dimiliki oleh seseorang, ataupun yang dipersiapkan, untuk mempengaruhi orang ramai dengan penggunaan kata-kata, pergerakan fizikal tubuh badan, serta permainan psikologi (perasaan) yang baik dan berkesan dalam menegakkan kehendak dan kemahuan peribadi. Takrifan Corax ini bersesuaian dengan aliran barbarianisme pada zaman itu yang berpedomankan "siapa yang kuat, dialah yang menang". Socrates yang muncul kemudiannya mengubah persepsi retorikal apabila menegakkan retorik adalah suatu sistem yang membincangkan secara lengkap kaedah-kaedah, bentuk-bentuk, dan matlamat-matlamat dalam sesuatu perucapan (ketika ini lebih kepada perucapan lisan) untuk membolehkan segala bentuk hujahan, idea, dan matlamatnya dapat disampaikan secara sempurna. Plato, Isocrates, dan Chrysippus yang kemudiannya berdebat tentang bentuk-bentuk retorik sama ada sebagai seni perucapan lisan, atau sebahagian daripada seni pendalilan, atau sebahagian daripada bab falsafah mengakui retorik adalah alat kepada komunikasi khususnya komunikasi lisan. Cuma tumpuannya lebih kepada kebolehan pengamal komunikasi menggunakan bahasa (dalam apa sahaja bentuk; kata-kata, gambar, lukisan dan seumpamanya) secara berhemah, berseni, dan berhelah. Ini sesuai dengan status mayatilik pada zamannya yang lebih melihat prinsip *chronosisme*; pemenuhan matlamat-matlamat asas kehidupan ke arah meneroka peradaban.

Tamadun manusia yang menjalar kemudiannya dari satu sempadan ke satu sempadan menyebabkan petarana komunikasi manusia semakin gawat dan bermatlamat (motif?). Mayatilik humanis dan tamadun berubah sedikit demi sedikit kepada pemikiran imperialis. Aristotle, Cicero, dan Quintilian yang mula terpengaruh dengan gerakan-gerakan imperialis ini mula menghubungkan retorik dengan kepentingan-kepentingan *waging a war*. Retorik mula diletakkan sebagai suatu disiplin khusus yang mengajar manusia bagaimana untuk bertindak, bagaimana untuk bergerak, dan bagaimana untuk berkuasa dengan mengemukakan idea-idea *ethos* (penaklukan perwatakan), *pathos* (penaklukan rohaniah), dan *logos* (penaklukan akaliah; politik). Retorikpun dijadikan subjek yang mengajar kaedah-kaedah ke arah merealisasikan komunikasi "*battle*" dan "*won*" melalui amalan-amalan pembujukan, peniruan, penipuan, propaganda, dan perancangan bermatlamat. Status retorik sebagai disiplin mengajar, melatih, dan membimbing pengamal komunikasi (perucap dan khalayaknya) tentang memakai bahasa dengan baik, menggunakan kebolehan gaya, kepetahan berbicara, kemampuan estetika, dan keharmonian moral diselitkan (disembunyikan dengan sengaja) melalui definisi-definisi, kaedah-kaedah, dan matlamat-matlamat retorik yang kononnya masih menghuraikan tentang fungsinya sebagai satu alat mengefektifkan komunikasi manusia. Kekalutan moral manusia pada zaman *dark ages*,

kekeliruan nilai dan fungsi tamadun pada era *Renaissance*, dan seterusnya kekecohan akibat perebutan cita politik dan kuasa ekonomi pada era *industrial revolution* menjelaskan keterlibatan retorik sebagai alat kepada manusia menguasai bentuk komunikasi dalam zaman-zaman tersebut. Akhirnya muncullah pemikiran-pemikiran *industrialisme* yang mula mengagungkan pengetahuan-pengetahuan fizik, geografik, dan kimia yang mengajak arah dan gelombang komunikasi sekali lagi berubah. Pemikiran manusia akhirnya dikuasai oleh fizikalisme sains - dan, retorikpun ditolak dan dikembalikan kepada bentuk asal semasa penemuannya iaitu sebagai *quae in cera dictaveram pergamenae es parte tradissem; tanto illum ipsa cogitatio magic ac magis infestabat*. Retorik adalah suatu disiplin berkenaan pemakaian bahasa sebagai alat komunikasi yang melihat bagaimana akal fikir dan akal rasa manusia terbentuk dengan prinsip-prinsip pembujukan: mengamalkan logik, estetik, dan falsafah. Dengan kata lain kemunculan kelompok saintis telah menyebabkan retorik menjadi hak milik pemikir gramatis. Namun jika dilihat kepada semangat retorikal yang dipelopori oleh mereka; Corax, Gorgias, Plato, Isocrates, Aristotle, dan yang lainnya, retorik adalah suatu ilmu yang besar dan terbuka, iaitu sebenarnya berperanan dalam membincangkan segala bentuk amalan dalam kehidupan manusia. Dari memasak sarapan hinggalah mewarnakan sebuah lukisan; dari mengatur langkah berjalan hinggalah merancang strategi peperangan; dari belajar menggunakan kata-kata hinggalah membuat dasar politik dunia; dari menghitung nasib harian hinggalah merancang satu peradaban. Retorik bukan lagi alat gramatikal, ataupun pengajian epistemik, tetapi satu disiplin eksesif yang melihat nilai-nilai metodologikal dan kesan-kesan ke arah penyempurnaan sistem komunikasi manusia; sekali gus retorik berkongsi "*ganglion*" mayatilik "*langit terbuka dan dunia tanpa sempadan*" manusia moden hari ini. Dengan kata lain, kemunculan siberisme melalui teknologi dan budaya yang dibawa olehnya turut menuntut dan menjemput retorik berubah sekali lagi sebagai usaha menjadikan dimensi-dimensi komunikasi lebih sempurna dan lebih berharga. Hofstadter (1979) menyebut:

If the computer is to be reliable, then it is necessary that it should understand, without the slightest chance of ambiguity, what it is supposed to do. It is also necessary that it should do neither more nor less than it is explicitly instructed to do. If there is, in the cushion underneath the programmer, a program whose purpose is to "guess" what the programmer wants or means, then it is quite conceivable that the programmer could try to communicate his task and be totally misunderstood. So it is important that the high-level program, while comfortable for the human, still should be unambiguous and precise.

MENDARJATKAN SENTUHAN KLASIK

Perkembangan komunikasi sejagat atau media dunia boleh dilihat dari persepsi primer dan sekundernya. Perucapan primer dalam komunikasi berkembang dan bergerak sebelum penemuan abjad yang sempurna oleh manusia Greek (antara 720 dan 700 sebelum Masehi), di mana semua bentuk dan amalan berhubung manusia ketika itu bergantung sepenuhnya kepada perucapan lisan. Perucapan tulisan, literasi, yang memuncak setelah penemuan abjad Greek telah membolehkan manusia berfikir dalam sudut-sudut yang berbeza, lebih

abstrak. Keistimewaan dan keunggulan tulisan yang menterjemahkan simbol-simbol bahasa ke dalam suatu bentuk makna dan bunyi yang menarik dan mudah difahami, serta senang dikongsikan kefahamannya menjadi lebih baik dan lebih ilmiah apabila teknologi percetakan ditemui. Teknologi percetakan yang kemudiannya merealisasikan penterjemahan fikiran-fikiran dan perasaan-perasaan manusia ke dalam manuskrip yang boleh dibaca dan difahami menjadikan perkataan, bahasa, dan media penulisan lebih pervasif. Gerakan perubahan komunikasi ini akhirnya dikejutkan dengan penemuan bentuk komunikasi sekunder; perancangan elektronik. Penemuan inovatif ini dimulakan dengan penciptaan telegraf pada 1840an yang kemudiannya secara kreatif dan saintifik tercipta teknologi-teknologi komunikasi yang lebih efektif dan lebih sempurna seperti filem, video, komputer multi media, dan lain-lain yang mendominasi alur-alur komunikasi. Sistem berhubung manusia dan nilai eksklusif media berubah serta merta. *Internet, E-Mail*, paparan siber, dan komunikasi satelit menjadi gah dan menguasai jagatraya. Dunia menjadi serba mungkin - iaitu serba bersedia, serba terbuka, dan hak milik semua. Maklumat bergerak seperti udara tanpa boleh dihalang dan disekat, baik bersih sifatnya ataupun buruk sifatnya, dan semua orang tersedia untuk menghirup udara tersebut, iaitu menerima dan memakai maklumat tersebut. Suasana ini yang dahulunya kelihatan sebagai fenomena-fenomena sunyata (magis) dan subenar (dongeng) telah direalisasikan.

Pengembaraan Malim Deman ke dunia kayangan semata-mata untuk membuktikan kesucian cintanya kepada Puteri Bongsu yang suatu ketika dahulu begitu mistik; dipenuhi dengan mitos-mitos, epik-epik, dan khayalan-khayalan luar biasa sehingga perjalanan dan penguasaan olehnya melewati batas sempadan dan hakikat atmosfera seperti tidak boleh diterima lagi oleh pengamal media moden, atau pelaksana komunikasi alaf teknologi maklumat. Tetapi jika dilihat dari retrospektif yang lebih mendasar, pengarang *Hikayat Malim Deman* tidak kolot dan tidak primitif, kerana segala bentuk komunikasi terbuka yang pernah dijangkaskan olehnya kini telah mendapat tempat dan menjadi realiti dalam sistem komunikasi multi media, atau dalam dunia siberia. Pawang, penglipur lara, dan dalang Melayu yang dahulunya mengamalkan komunikasi lisan melalui perancangan-perancangan langsung di pentas-pentas terbuka, di gelanggang persilatan dan perbomohan, di gobok-gobok wayang kulit dan menora, di padang lebar ketika menyentap teraju wau bulan mengisahkan bagaimana Seri Rama berdialog dengan Rawana, dengan seorang daripadanya berada di timur, dan seorang lagi berada di selatan; menceritakan kehebatan pelayaran Si Tenggang sehingga terlupa tanah kelahiran; memperdengarkan kekuatan Si Miskin menentang protagonis dari angkasaraya sehingga terasa seperti menonton tayangan seluloid, dengan muzik dan suara sebagai alat komunikasinya memperlihatkan kepercayaan radikal pengarang klasik ini bahawa komunikasi manusia dari apa zamanpun telah terbuka, cuma wacananya yang bersifat arkaik dan verbal meletakkan nilai komunikasi dan sifat media mereka kelihatan dongeng walaupun penuh dengan futuristik. Untuk itulah retorik melihat hasil-hasil peradaban komunikasi klasik (termasuk medianya) bukan tidak boleh dipakai dan seharusnya dibuang sahaja tetapi perlu diubah-sempurnakan agar mampu berkongsi dengan rasa dan nilai media dalam zaman siberia ini; setidak-tidaknya meneroka teori yang dikemukakan oleh mereka sebagai memantapkan lagi evolusi komunikasi dan media

alaf siber ini. Persepsi manusia perlu diubah secara radikal untuk melihat hasil mahsul komunikasi klasik ini sebagai sebahagian daripada sejarah pendarjatan media dalam era siber dan satelit.

Pengamal dan pengguna komunikasi atau media klasik mungkin tidak berkesempatan lagi untuk mengubah karya dan bentuk media mereka yang sebahagiannya kini telah menjadi dokumen sejarah bangsa sahaja; jika tidak dilihat dalam tempurung yang baru. Tetapi pencinta dan penggemar fahaman dan hasil komunikasi atau media klasik ini boleh menggerakkan persepsi dan kepercayaan baru untuknya. Dan, tidaklah perlu pengarang, perucap lisan, atau pengarah filem dan pencipta multi media moden kembali pula menjadi pawang, dalang, dan penglipur lara apabila berminat untuk menyintai hasil klasik ini. Dengan kata lain, semua pengamal dan pengguna media moden perlu berusaha untuk mengangkat dan mengatakan hasil dan bentuk media klasik sebenarnya telah menggerakkan inovatif dan kreatif manusia ke arah penciptaan teknologi dan sistem komunikasi yang lebih saintifik dan lebih *machineism*. Fiksyen-fiksyen yang begitu sosial dalam komunikasi klasik perlu diberi sifat sains serta perlu dijungkusakan melalui teknologi-teknologi media siber yang sofistikated itu. Jika hendak dikekalkan hanyalah teksnya; cerita, watak, adat budaya, dan nilai-nilai humanistik, manakala cara penyampaiannya, cara persembahannya, cara pendarjatanya perlulah menggunakan segala kebolehan *smart microprocessor* yang terdapat dalam komunikasi multi media, demikian jugalah dengan warna mayatiliknya.

Memang sesuatu yang lama itu bergitu berharga terutama jika dinilai berdasarkan kepentingan-kepentingan kemanusiaan. Komunikasi lisan membolehkan setiap orang mengenali antara satu sama lain secara bersemuka, membolehkan prinsip humanisme seperti "manusia saling bergantung" dan "manusia itu bersaudara" menunjangi sesuatu tamadun kehidupan. Media lisan juga berjaya merapatkan perucap dan khalayak secara lebih dekat; boleh bertentang mata dan bergurau senda. Perasaan dan fikiran dapat dikongsi secara bersama melalui penghayatan terhadap "linangan air mata" dan "suara gelak tawa". Dan semua nilai-nilai antar komunikasi ini akan hilang dan menjadi kenangan melalui komunikasi siber. Bahkan ketika munculnya abjad dan berlakunya perkembangan komunikasi melalui tulisan, sebahagian daripada nilai-nilai komunikasi verbal ini sudahpun hilang dan tidak pernah ditangisi oleh manusia sebagai pengamal dan penggunanya. Dengan kata lain manusia sudahpun bersedia untuk membina maksud dan persepsi baru terhadap komunikasi dan media - kemungkinan alaf siber ini mengembalikan semua manusia ke dunia futuristik yang pernah dilalui oleh Malim Deman, Carang Kulina, dan Rawana; cuma bentuknya sahaja yang berbeza. Yang klasik menggunakan realiti alam mistik, dan yang moden menggunakan realiti maya sibernetik.

Adalah menjadi satu kebanggaan jika hasil-hasil komunikasi dan bentuk-bentuk media klasik dapat dijungkusakan sebaik kehendak era siber. Misalnya, perucapan fiksyen Melayu melalui media lisan seperti wayang kulit, menora, dan bangsawan akan menjadi lebih global dan ekspensif jika disampaikan melalui teknologi *virtual realiti*, dan disuarjagatkan ke dalam *internet* dengan semua ahli komunikasi dari seluruh dunia dapat menonton dan

menggunakannya. Setidak-tidaknya kehendak dan cita-cita budaya, humanis, dan sosial Melayu dapat disebar dan menjadi lebih *universal*. Demikianlah nilai hero Tuah, magis Mahsuri dan tamadun manusia Melayu akan menjadi lebih sempurna dan lebih nyata titik lihatnya jika disampaikan melalui filem dan video yang boleh ditonton dalam apa sahaja cara (multi media!), bahkan boleh dicetak dan disalin mengikut kepentingan khalayak dan penggunaannya. Sekali gus darjat hasil-hasil komunikasi klasik ini menjadi lebih bernilai dan kebimbangan mengenai keupusannya tidak perlu difikirkan lagi.

Retorik sebagai satu disiplin yang merancakkan komunikasi sudah menetapkan pendiriannya bahawa apapun yang dilakukan oleh ahli-ahli teknologi di dalam menjadikan komunikasi manusia serba upaya, dan menghasilkan media yang serba jelas tidak akan berguna jika proses penyampaiannya tidak melihat kepentingan-kepentingan perkongsian ke atas makna dan matlamat. Yang klasik sebaiknya dimodenkan, tetapi nilai seni dan kesefahaman tafsiran mestilah dibentuk, barulah matlamat teknologi maklumat itu dapat dipenuhi. Dengan kata lain segala sistem, bentuk, dan amalan retorik klasik akan terpakai secara moden untuk membantu cita-cita dan imaginasi media era siber direalisasikan secara sempurna, kerana retorik dalam apa sahaja zaman, dalam apa rupa mayatilik adalah bertanggungjawab menterjemahkan dan memesrakan hubungan antara perucap dan khalayak yang mendasari disiplin komunikasi dan media tersebut. Apapun umpatan yang mungkin muncul akibat kekeliruan peranan retorik dalam mendewasakan komunikasi dan mempetaranakan media dalam era moden, jawapannya ialah selagi manusia boleh mengeluarkan suara dan memerlukan suara sebagai alat perucapan utama baik menggunakan aset-aset verbal, tulisan, ikon-ikon dan *gestures*, warna dan sinematik dengan manusia masih berhubungan sesamanya di dalam proses tersebut maka selagi itulah retorik akan diperlukan. Setidak-tidaknya memperbaiki dilema-dilema saurfaham (*misunderstanding*) dalam media tersebut. Demikian jugalah, retorik akan terus berfungsi dan terlibat sepenuhnya dalam setiap era evolusi komunikasi manusia selagi bahasa (baik melalui tulisan, lisan, grafik, dan muzik -multi media - animasi) terpakai sebagai aset dan graviti yang menentukan kesempurnaan komunikasi tersebut. Teoritikalnya komunikasi akan berlaku dengan adanya bahasa, dan ini menjelaskan media bukanlah pengawalannya, cuma kesempurnaan media membolehkan komunikasi menjadi lebih efektif dan dinamik.

Kemajuan peradaban manusia tidak akan kelihatan anggun dan istimewa jika tidak berakarkan budaya dan kesepakatan norma sejagat yang sekian lama melestari kehidupan manusia tersebut, cuma kelestariannya perlu diubah bersesuaian dengan entimem-entimem teknologi dan saintifik moden untuk mengelakkannya daripada terbiar dan terbuang tanpa dimanfaatkan sebagai suatu pengetahuan agung untuk semua orang, dalam setiap zaman.

MENGUBAH KONSEPTUALISASI KHALAYAK

Sebahagian alternatif-alternatif yang wujud adalah untuk mempertemukan hubungan fungsi dan tugas perucapan lisan, tulisan, dan perucapan multi media dalam era moden dan menjangukasikan komunikasi senyap (*silent communication*) ini sebaiknya. Menjangukasikan

perubahan-perubahan yang berlaku dalam suarjagat khalayak komunikasi adalah suatu usaha terpenting dalam menghasilkan kefahaman-kefahaman yang lebih sempurna dan nyata tentang wacana teknologi dan kesan-kesan ke atas *consciousness* penulis dan pembaca; penyampai dan khalayak. Seperti yang berlaku dalam komunikasi lisan - perucapan syair, gurindam, dan pantun Melayu misalnya, pawang dan penglipur lara memperucapkan syair, mentera, petitih dan sebagainya secara lisan kepada masyarakatnya, atau bila Pawang Ana memperdengarkan cerita Hikayat Awang Sulung Merah Muda - khalayak yang hadir adalah datang dari seluruh pelosok. Malahan, dalang dan penglipur lara, atau tok batil ini memperucapkan pengalaman baik dan pengalaman buruk, atau cerita-cerita fiksionalnya dari satu tempat ke tempat yang lain, dari satu kumpulan khalayak kepada kumpulan khalayak yang lain, berulang-ulang dan disesuaikan mengikut kehendak dan suasana tempat dan khalayak tersebut. Dengan kata lain, persembahan tersebut diragamkan agar sesuai dengan kehendak komunikasi verbal ketika itu bahkan memulakan segala bentuk penemuan dalam kebudayaan moden.

Pendengar - khalayak komunikasi lisan dalam media-media klasik yang bergantung sepenuhnya kepada keterlibatan bersama sebagai khalayak dengan penyampai yang sentiasa berkeinginan untuk berdepan secara muka ke muka, yang mahukan penyampai menunjukkan aksi, emosi, dan reaksi secara terus perlu percaya bahawa budaya komunikasi antara muka ini tetap berlaku dalam media siber, cuma bentuknya yang berbeza iaitu penyampai tidak perlu lagi hadir ke pentas dan bercakap sebaliknya cukup menyuarakan akal rasa dan akal fikir, emosi dan reaksi melalui tettingkap program, jaring *internet*, dan ombak *web*. Gaya komunikasi sebalik tabir ini sebenarnya sudahpun diperkenalkan oleh dalang wayang kulit dan wayang purwa, dan ianya boleh diterima oleh khalayak. Jadi adalah tidak sukar untuk pendengar atau khalayak komunikasi lisan mengikuti dan mematuhi pula komunikasi siber yang lebih senyap dan peribadi. Dalam komunikasi lisan dengan media verbal didapati interaksi dan suasana berhubung manusia amat terbatas; ruang maklumat yang terhad, jumlah khalayak yang kecil, tempoh masa yang terbatas, kebebasan yang dikawal, dan bergantung kepada nilai senggang dalam perhitungan masa seseorang (pengguna komunikasi tersebut) serta kualiti-kualiti teks yang sering terganggu akibat tekanan suasana, yang sentiasa berubah akibat pengaruh tempat, dan tidak pernah sama pada setiap kali diperucapkan kerana kelemahan memori akal manusia. Sebab itulah komunikasi multi media lebih interaktif kerana mampu mengekalkan kualiti dan kuantiti maklumat serta memiliki gaya persembahan yang lebih pelbagai dan ciri-ciri verbal yang lebih menarik dan istimewa seperti yang terdapat dalam filem dan video moden. Media komunikasi lisan akan menjadi lebih ghairah sifatnya apabila memiliki khalayak yang banyak tetapi dalam komunikasi siber, seorang khalayak boleh berinteraksi dengan banyak penyampai. Khalayak tidak perlu lagi menunggu hari dan mencari tempat sesuatu persembahan lisan akan diadakan kerana dalam komunikasi multi media, khalayak hanya perlu mengaktifkan komputernya untuk berhubung dengan jutaan penyampai yang tersedia setiap masa. Walau apapun alasan untuk memuji keistimewaan komunikasi lisan melalui alasan-alasan psikologi dan sosiologi namun dalam komunikasi multi media segala

keistimewaan ini masih diteruskan cuma diperbaiki dan nilai ornamentalnya diperkembangkan melalui gerakan *special effect*, *photography*, dan muzik tanpa merosakkan sebarang proses mendengar. Ini bermakna pendengar masih boleh mendengar, bahkan lebih baik dan lebih menarik, dan lebih personal.

Pembaca - khalayak komunikasi tulisan yang menggunakan media cetak seperti buku, majalah, akhbar, dan manuskrip-manuskrip bertulis mula merasa kerumitan akibat kemampuan media cetak untuk merealisasikan keperluan maklumat yang begitu terhad; bahkan kelihatan lebih terhad berbanding komunikasi verbal. Pembaca tidak mungkin dapat menghabiskan sejuta naskah manuskrip bercetak dalam masa satu hari, maupun sebulan, maupun setahun akibat terhadnya masa, kelemahan fizikal, dan ekonomi. Bahkan penyampai yang menggunakan komunikasi tulisan seperti ahli akademik, sasterawan, seniman, dan sesiapa sahaja tidak berupaya untuk menjelaskan dan menghuraikan segala idea, perasaan, dan perbuatan; cerita dan peristiwa; berita dan suasana dalam halaman-halaman yang luas maksimum logiknya sekadar 20 x 12 inci sahaja (akhbar?). Komunikasi tulisan melalui media bercetak lebih bersifat monolog dan idiosinkratik (seorang diri). Pembaca tidak dapat beraksi dan berinteraksi dengan penyampainya, bahkan tidak sepenuhnya dapat menghayati pengalaman psikologis watak-watak dalam teks bertulis tersebut kerana segala proses komunikasi dalam media bercetak hanya bergerak dan bergantung kepada entimem peribadi pembaca. Komunikasi tulisan, media cetak begitu statik. Semua unsur komunikatif di dalamnya tidak memiliki emosional manusia realiti. Setiap bentuk pada *ethos*, *pathos* dan *logos*nya bergantung kepada pemahaman pembaca dan reaksi psikologi pembaca. Pada tahap ini komunikasi lisan adalah lebih baik, sekurang-kurangnya khalayak dapat melihat reaksi penyampai sehingga merasakan reaksi penyampai adalah aksi manusia dalam watak-watak yang diperkatakan. Media cetak kelihatan istimewa dan lebih baik berbanding lisan hanya kerana memiliki ketahanan daya simpan maklumat, dalam maksud tidak terganggu dan berubah-ubah mengikut suasana, tempat, dan kepentingan serta kemampuan untuk khalayak berkongsi maklumat dalam nilai yang sama. Media cetak juga dapat mengagihkan pemikiran, pengalaman, dan perasaan kepada setiap manusia dalam bentuk yang sama melalui aksara, huruf, abjad, ayat, dan wacana sama ada menggunakan jangkasa kreatif atau deskriptif berkenaan fiksyen dan realiti yang hendak diperkatakan; dan inilah satu-satunya kepentingan unggul komunikasi tulisan ini berbanding komunikasi lisan. Namun sifatnya yang kaku, bisu, sendirian, dan tidak memiliki ciri-ciri *anthropomorphism* menyebabkan kualiti komunikatifnya juga tidak mantap dan tidak sempurna. Jika dipertemukan antara komunikasi tulisan (media bercetak) ini dengan komunikasi sekunder dalam multi media yang menggunakan mekanisme visual seperti video dan filem sudah tentu perucapannya akan menjadi lebih nyata, bahkan dapat merealisasikan segala bentuk, nilai, dan sifat-sifat dalam komunikasi. Dengan kata lain, pembaca yang dahulunya sekadar mengimajinasikan melalui pengaklunan fikirannya akan segala suasana, perwatakan, dan peristiwa yang dibacanya kini dapat melihatnya melalui optiknya sendiri seperti dia melihat bagaimana tangan dan kakinya bergerak. Segalanya terpapar dalam media elektronik sebagaimana yang dilihat olehnya dalam kehidupan rutin seharian. Sekali gus pembaca bukan sahaja lagi berfungsi sebagai pembaca, juga sebagai

pendengar dan penonton. Isolasi komunikasi lisan dan komunikasi tulisan, media verbal dan media bercetak berlaku dalam media elektronik. Isolasi ini kemudiannya menjadi lebih baik dan lebih berperadaban apabila teknologi multi media tercipta yang menyebabkan bentuk komunikasi manusia menjadi lebih futuristik bahkan melewati sempadan imaginatif.

Penonton - khalayak media elektronik yang sudahpun berubah dan sudahpun berkomunikasi secara efektif ketika menonton filem dan video melalui layar kaca (monitor televisyen) dan layar perak (skrin filem). Segala aksi dan reaksi pelaku komunikasi dapat ditonton dan dilihat dalam dasar realiti dan amat nyata. Cuma penonton sebagai khalayak masih lagi menanggung pengalaman khalayak komunikasi lisan dan komunikasi tulisan iaitu tidak dapat berhubung secara langsung dengan perucap, atau watak-watak yang terdapat dalam paparan komunikasi tersebut. Walaupun media elektronik telah dapat memanifestasikan realiti namun tidak sepenuhnya, dan permasalahan ini terjawab apabila komunikasi siber berjaya diciptakan. Komunikasi siber (*secondary orality*) melalui teknologi multi media berjaya buat sekali lagi mengisolasi ketiga-tiga bentuk komunikasi terawal ini apabila di dalam program dan sistem medianya ketiga-tiga elemen iaitu verbal, tulisan, dan visual bersatu mewujudkan suatu bentuk media yang begitu realiti.

Cita-cita retorik untuk menemukan fungsi *orality* / *literacy* / *secondary orality* akhirnya berjaya apabila komunikasi multi media masih memartabatkan kepentingan verbal dan tulisan, bahasa, dan nilai-nilai estetika, humanis, dan falsafah. Walaupun perkembangan teknologi multi media telah mencetuskan perubahan mayatilik manusia serta perbuatan-perbuatan komunikasinya, dan pemikiran siberisme menjajahi setiap akal fikir dan akal rasa manusia namun pendirian dan kepentingan teori, bentuk, dan amalan retorik (sebagaimana diasaskan pada era klasik) masih kukuh bahkan menjadi lebih penting akibat tuntutan komunikasi multi media yang melihat keupayaan mengangkat "emosi ghairah" dan "lengkap maklumat" sebagai dasarnya. Hal ini telah sekian lama dibincangkan oleh retorik apabila dalam pengertian disiplinnya dinyatakan: retorik adalah suatu seni tentang bagaimana seseorang menguasai orang lain dalam apa sahaja cara; baik menggunakan keupayaan membujuk (*persuasion*), ataupun dengan memakai kaedah yang sempurna, dan menyatakan maklumat dan fakta selengkapnya. Retorik melalui konsep *inventio*, *dispositio*, *elocutio*, *memoria*, dan *pronuntiatio* sudahpun menetapkan konsep-konsep penerokaan, pemutusan, dan penilaian sebagai alat komunikasi terbaik - dan ini amat selari dengan kehendak komunikasi era siberisme ini. Bitzer, (1968) dalam hal ini menyebut.

In the best of all possible worlds, there would be communication perhaps, but no rhetoric - since exigences would not arise. In our real world, however, rhetorical exigences abound; the world really invites change - change conceived and effected by human agents who quite properly address a mediating audience. The practical justification of rhetoric is analogous to that of scientific inquiry: the world presents objects to be known, puzzles to be resolved, complexities to be understood - hence the practical need for scientific inquiry and discourse; similarly, the world presents imperfections to be modified by means of discourse - hence the the practical need for rhetorical investigation and discourse.

Khalayak media moden perlu mengklasifikasikan pemikiran dan kemahuan secara rasional dan *intellegencia*, terutama dalam menjawab persoalan; bagaimanakah cara untuk menjadikan suasana komunikasi moden lebih berfenomena? Teknologi multi media adalah hasil langsung kemajuan sains fizik yang kemudiannya membina mayatilik siberisme yang begitu menakjubkan (untuk sebahagian besar pengikut ekstrimnya). Manusia diperkenalkan akan pelbagai hasil siber seperti *cyber city*, *cyber space*, dan yang terbaru pengimitasian manusia iaitu *cyber human* yang bercirikan robot-manusia, serba kuat dan serba upaya (dan hal ini pernah diimajinasikan dalam karya retorik klasik seperti kehebatan Malim Dewa, keperkasaan Hanuman yang memiliki sifat-sifat *super human*; susah hendak mati!). Memanglah, hasil penemuan sains kelihatan menakjubkan kerana sains sebagai satu disiplin, metode saintifik secara filosofikalnya cuba menjustifikasikan prinsip-prinsip, konsep-konsep, dan prosedur-prosedur dengan harapan melaluinya manusia dapat menemukan realiti. Demikian jugalah retorik, sebagai satu disiplin secara filosofikalnya cuba menjustifikasikan prinsip-prinsip, konsep-konsep, dan prosedur-prosedur dengan harapan melaluinya manusia dapat menemukan kesan-kesan perubahan dalam realiti. Untuk itu perubahan nilai media tidak menakutkan retorik, kerana dari awal lagi retorik mempertahankan peranannya sebagai satu sistem yang membincangkan kesenian penilaian ke arah pembujukan yang sempurna dalam situasi komunikasi, juga sebagai satu kaedah penyelidikan secara saintifik ke atas proses dan kesan komunikasi, dengan neraca falsafahnya retorik adalah suatu disiplin praktikal - khususnya dalam komunikasi dan media-media komunikasi.

Retorik akan memastikan peranannya dalam era perkembangan teknologi maklumat dan kemunculan mayatilik siberisme ini membolehkan khalayak sebagai kelompok pengguna dan pemakai komunikasi terbesar menjadi lebih aktif, lebih bebas, dan lebih internasional. Dan memastikan komunikasi manusia menjadi lebih rancak dan lebih mesra melalui pergerakan maklumat yang begitu pantas, penampilan maklumat yang anggun, dan amat realiti saintifik. Dengan kata lain, retorik akan membina khalayak era siber adalah khalayak yang begitu *luxuriestic: placed ready at hand*.

MELINCAHKAN WACANA DAN MEMASYHURKAN LELUHUR

Memilih medium untuk berhubung dan seterusnya memulakan perkongsian pengalaman, maklumat, dan pengetahuan mestilah berdasarkan kemampuannya untuk menerobosi tabir-tabir realistik dan *quantum* agar produktivitiya benar-benar menyakinkan. Hans M. Enzensberger, (1974a) menyebut.

The new media are orientated towards action, not contemplation; towards the present, not tradition... The media produce no objects that can be hoarded and auctioned. They do away completely with "intellectual property" and liquidate the "heritage", that is to say, the class-specific handing-on of nonmaterial capital.

Wacana elektronik melalui teknologi multi media memiliki kemampuan komunikasi yang tinggi kerana keupayaannya untuk membantu pembinaan proses-proses retorikal iaitu dialektik, merencanakan produktiviti, menginteraktifkan pandangan-pandangan dan

pemikiran dalam setiap akal fikir dan akal rasa khalayak. Kebolehan menggerakkan daya retorikal melalui ajakan dialektik adalah salah satu wacana yang diutamakan oleh media siber. Media siber cuba untuk mengheret khayalak berada dalam dimensi-dimensi horizon yang luas dan terbuka, dengan menyediakan subjek-subjek, silogisme dan entimem yang pelbagai, dengan mengemukakan emphasis (adikara) yang bermacam, yang kesemuanya menanti kesanggupan khayalak untuk masuk ke dalam sibernatiknya dan saling berinteraksi serta berdialektik. Walter J. Ong menegaskan dialektik sebagai alat perancangan media elektronik dalam teksnya "McLuhan as Teacher: The Future Is a Thing of the Past" iaitu:

All a teacher can ever do is get other people to think. Without a teacher, learners may be impoverished, unable to find much to learn. The teacher sets things up, whether by enlivening familiar matter or by providing new things for the learners to think about. But, even with the most brilliant teacher, if the learners are to do any learning, they are the ones who have to do it. The pipeline information-transfer model does not really work for the teacher-learner relationship, for it presents learners as passive recipients. Learners are doers, not recipients.

Komunikasi era siberisme, atau komunikasi dalam gelombang teknologi maklumat yang memakai kemudahan fiber optik multi media tidak menolak kelangsungan proses retorikal iaitu perancangan lisan dan perancangan tulisan. Proses-proses retorikal asas iaitu pengaklunan fikiran (*reasoning*), pembujukan (*persuasion*), pendalilan (*dialectic*), mendengar, membaca dan menonton, seterusnya melakukan gerakan kritikal iaitu pemahaman (*interpretation*), penilaian (*evaluation*), dan keputusan (*judgementation*) akan terus berlaku malah lebih kental dan padat ke arah mencapai efisiensi yang maksimum. Kelompok penutur-pendengar dan penulis-pembaca akan mendominasi kelompok penerbit visual dan penonton. Dan sebahagian besar hasil (media) lisan dan tulisan menjadi manuskrip kepada pembikinan media elektronik. Teknologi multi media pula akan bertindak sebagai medium profesional yang akan menjangkasakan lagi bakat, pengalaman, dan pengetahuan kelompok-kelompok pengguna komunikasi tersebut. Segala proses pertuturan dan pendengaran menjadi lebih menarik, segala kerja penulisan dan pembacaan menjadi lebih mudah dan semua ahli komunikasi atau pengamal media boleh mencipta dan merealisasikan idea, perasaan, dan fikiran mereka dengan lebih pantas, cantik, dan berkesan. Dengan kata lain, retorik menjadi disiplin yang lebih mudah - tidak seperti pemakaiannya dalam era-era terawal yang begitu metodologikal dan struktural. Sekali gus pembelajaran dan pengajian mengenai media menjadi lebih sempurna dan lebih seronok.

Setiap aktiviti yang berlaku dalam akal fikir dan akal rasa manusia mestilah diperucapkan untuk dipelajari dan difahami. Persoalannya, apakah cara yang terbaik untuk memperucapkannya agar semua pihak dapat berinteraksi dan memberi reaksi seterusnya mewujudkan gerakan komunikasi yang benar-benar menyeronokkan. Dalam pengajian media dan pembelajaran komunikasi kontemporari (sebelum kemunculan era siberisme) pengguna dan pengamal media lebih terdedah kepada konsep mendengar, membaca, dan menulis tanpa mempedulikan seronok atau tidak seronok penglibatan tersebut. Misalnya dalam pengajian penulisan: seorang pensyarah akan menuturkan kepada para pelajarnya

teknik berbahasa, mengarang, dan menghasilkan karya dengan menyuruh para pelajar mendapatkan maklumat daripada halaman-halaman buku, majalah-majalah, serta temu bual dengan bahan-bahan dan data-data bersifat tersembunyi dan misterius, dan menggalakkan para pelajar mencontohi, mengimitasi, dan mengambil apa yang dirasakan perlu untuk penulisannya sekaligus muncullah sindrom penciplakan yang amat serius dan misterius. Pelajar dilatih menjadi ahli komunikasi dan pengamal media yang statik serta regid.

Semua pelajar komunikasi dan pengamal media (yang kemudian menjadi profesional dalam bidangnya) semasa mengikuti kursus di sekolah-sekolah pengajian media hanya dilatih menjadi penulis fiksiyen dan non fiksiyen, wartawan, penerbit dan pencetak, pengarah dan pelakon filem, pegawai perhubungan awam, dan perunding media melalui pembacaan ke atas bahan-bahan rujukan dan kemudian menulisnya kembali dalam bentuk tugas (nota akademik) tanpa melibatkan mereka dalam situasi berfenomena dunia komunikasi manusia yang sebenar. Halaman-halaman kertas dan tulisan-tulisan tanpa suara, tanpa pergerakan, tanpa irama, tanpa warna, dan tidak beraksi menjadi alat pengajian mereka. Apabila mereka terlibat dalam dunia komunikasi sebenar selepas itu, barulah mereka menyedari apa yang dipelajari oleh mereka selama ini hanyalah teori-teori konstruktif yang bertentangan sama sekali dengan apa yang mereka hadapi. Sebab itulah retorik cuba mempermudah pembelajaran komunikasi dan pengamalan media dengan mengemukakan kaedah-kaedah dan pendekatan-pendekatan seperti lima fakulti penciptaan dan teknik-teknik pembujukan untuk lari daripada krisis linguistik dan sosiologi yang begitu nyahinteraktif dan pasif. Pengamal media dalam arus lama ini hanya dilatih menjadi dekoder, pengutip, dan pengguna. Kemunculan teknologi multi media yang mengajak penggunaanya bermain dengan visual dan bersoal balas menjadikan gelombang komunikasi lebih pelbagai arah. Pengamalnya menjadi lebih aktif, lebih kreatif, dan lebih objektif - dan ini sesuai dan selari dengan penegasan oleh retorik bahawa setiap amalan perucapan kritikal (lisan dan tulisan) mestilah berhubungan dengan ciri-ciri humanis dan keliling yang lincah, ghairah, afsun (menarik), dan menyampaikan. Quintillian sendiri meletakkan retorik itu adalah disiplin mengenai mengajar (*docere*), menggerak (*movere*), dan mengutuhkannya (*delectare*).

Pengajian media perlu dimantapkan untuk membolehkan bakal-bakal pengamal dan pengguna, serta penggubah wacana komunikasi dapat menghasilkan suatu bentuk komunikasi yang amat aktif dan efektif, serta berkeupayaan mengangkat dan memasyhurkan leluhur (status budaya, politik, dan ekonomi) masyarakat. Mengubah pemikiran dan praktikal dalam pengajian media dengan memindahkan wacana lisan dan wacana cetak kepada wacana elektronik serta mengadikarakan mereka dengan teknologi-teknologi multi media, *virtual reality*, *cybernetics*, dan *special effects* membolehkan mereka memahami fungsi retorikal dalam dua bentuk: (1) menjadikan mereka karib teknologi dan seterusnya menggalakkan pemahaman dan penggunaan media yang lebih bermakna; mengikuti peredaran zaman; dan (2) mendedahkan kepada mereka pelbagai pengetahuan dan disiplin ke arah memantapkan leluhur komunikasi terutama berkenaan kemungkinan-kemungkinan

yang berlaku dalam media serta menghubungkan mereka secara langsung kepada media secara praktik.

Secara konvensionalnya retorik telah menetapkan satu leluhur pembinaan wacana yang jelas dalam fakulti kelimanya iaitu *pronuntiatio* (Latin), atau *hypocrisis* (Greek), iaitu penyampaian yang menjelaskan peri pentingnya sesuatu perucapan itu disampaikan secara teratur (dengan mematuhi keempat-empat fakulti yang lain) serta mematuhi kehendak keliling dan tuntutan peradaban semasa. Dengan teknologi multi media dan kebolehan saintifik dalam *cybernetics* perucap akan dapat melangsungkan, menterjemahkan, dan mengkaryakan fikiran, pengalaman, dan perasaannya ke dalam segmen-segmen yang lebih realistik. Ikon-ikon dan *gesture* diperkuatkan dengan nilai sinematografi, muzik, dan visual-visual (nyata atau animasi) dan semua bentuk atau alat multi media ini akan mempersembahkan pemikiran perucap tadi dengan nyata dan jelas. Semua imej berintekrasi, bahasa bukannya lagi beku dan bergantung kepada laras dan gaya linguistiknya kerana gambar, lukisan, nada, warna serta bunyi mengambil alih maksud bahasa tersebut; atau mevariasikannya. Secara tidak langsung status pengajian media tidak lagi mendokong kefahaman pembelajaran tentang penulisan kreatif dan deskriptif, atau pembelajaran tentang komunikasi sahaja sebaliknya mempelajari penggunaan dan persembahan media.

Retorik masih berpendirian sebagaimana pendirian-pendirian asalnya, iaitu semua kerja retorikal khususnya dalam memenuhi matlamat dan sempadan-sempadan komunikasi manusia, nilai-nilai beletristik (kemahiran berbahasa dan menyampaikan fikiran secara berseni dan akademik) tetap menjadi stasis terkuat. Namun, dalam arus siberisme yang lebih mengutamakan pembudayaan komunikasi cetak dan komunikasi visual multi media ini adalah penting untuk semua penglibat komunikasi, khususnya pelajar media yang akan menjadi pengguna dan pelangusng polisinya dilatih dan diadikarakan dengan penguasaan ke atas metodologi dan amali teknologi multi media ini. Pembelajaran dalam pengajian media mestilah bergerak dari entimem komunikasi lampau aktif, dan perlu meninggalkan nilai-nilai komunikasi saurjelas, lumpuh efektif dan tidak sanitifik. Tetapi pengetahuan-pengetahuan mengenai budaya, kesenian, kemanusiaan, dan kehidupan yang cemerlang tetap terus dileluhurkan. Selama inipun pembelajaran penulisan (kelas terpenting pengajian media) telah memansuhkan tugas bertulis tangan, dan juga telah lama meninggalkan penggunaan mesin taip sejak teknologi *word processor* diperkenalkan. Perubahan pedagogikal-teknologi ini adalah tidak pernah menyebabkan retorik, atau pengetahuan humanis yang lain terpinggir bahkan menjadi lebih besar dan lebih bermakna kesan pemakaiannya dan lebih jauh.

RETORIK, PENGHAYATAN, DAN "KESUKMAAN INDUSTRI MEDIA"

Perucapan bertulis melalui manuskrip bercetak membolehkan khalayak (pembaca) mencari jalan mudah. Bahan-bahan bercetak kelihatan memiliki autoritatif yang lebih baik jika dibandingkan dengan tape-tape video, filem, dan lain-lain media walaupun sebahagian daripada hasil elektronik ini dapat menyediakan cara penyampaian yang lebih seronok

(dan ini adalah alasan kenapa media televisyen terus kekal dan berkembang walaupun pembangunan teknologi elektronik semakin rancak dan bermacam). Autoritatif perucapan bertulis, atau media bercetak ialah wacana yang hendak disampaikan dapat dinyatakan dalam bentuk penghuraian komunikasi yang boleh memberi kefahaman kepada khalayak dengan lebih halus, bukannya segera dan bermacam dalam media elektronik. Nilai akademik dan fenomena dapat disampaikan dalam bentuk yang lebih kental walaupun tidak padat, dan tidak secepat media elektronik. Namun, manusia yang berkomunikasi adalah manusia yang bergerak, dan media cetak dapat dibawa, dan ini menjadi hipotesis kepentingannya melampaui kemudahan teknologi elektronik. Dalam Hans M. Enzensberger (1974-b) disebut:

While radio, cinema, televisyen, recording, advertising, and public relations, new techniques of manipulation and propaganda, are being keenly discussed, each on its own terms, the mind industry, taken as whole, is disregarded. Newsprint and publishing, its oldest and in many respects still its most interesting branch, hardly comes up for serious comment any longer, presumably because it lacks the appeal of technological novelty.

Retorik secara partikularnya jika dilihat kepada pemahaman fakulti kelimanya iaitu penyampaian cuba menyatakan pentingnya wujud satu "kesukmaan" (*consciousness*) dalam industri. Retorik sebagai suatu disiplin melalui fakulti-fakulti dan bidang-bidang yang dibincangkannya bukan sahaja menekankan kepentingan terhadap penguasaan dalam pembelajaran media, bahasa, komunikasi, ataupun seni-seni ringkas, juga bukanlah alat untuk menganalisis segala simbol-simbol dalam sistem media dan komunikasi tetapi menyuruh adanya satu gerakan ke arah penciptaan alat-alat, material-material dan sistem yang baru. Dan tidak ada sebarang pengetahuan yang selengkap retorik dalam mengutarakan gerakannya serta penghayatannya ke arah pembinaan satu orbit penghasilan wacana, teknologi dan peradaban dengan berdasarkan jangkasa pendidikan dan mayatilik budaya. Retorik secara keseluruhannya, baik dalam apa sahaja bentuk perucapan komunikasi, bertindak balas memaklumkan penghayatannya bahawa segala wacana yang disebarkan melalui media cetak dan media elektronik mestilah mendokong kesukmaan komunikasi dan indoktrinasi. *Along with raising of fifth-canon consciousness, rhetoric provides ones means for people to enact their own encoding; it enables writing, filming, taping, and so on.* Demikian disebut dalam Walch (1990).

Kemunculan mayatilik siberisme dengan teknologi komunikasi multi media telah mewujudkan bandar siberjaya dan koridor raya multi media, yang kesemua bentuk pembangunan fizikal ini kelihatan seperti dinosaur yang akan membunuh kelompoknya sendiri apabila ketandusan dan kepupusan sumber-sumber leluhur semulajadi yang dipanggil kemanusiaan. Wacana yang aktif bukanlah bermaksud wacana yang memiliki sifat-sifat elektronik, sering bertindak balas, dan memiliki kuasa penyebaran yang besar. Wacana yang aktif adalah wacana yang tepat, benar, dan padat maklumat. Tetapi wacana yang aktif ini mestilah diperkukuhkan dengan leluhur, jati diri, dan fahaman-fahaman tradisi kerana sesuatu proses komunikasi yang berjaya adalah suatu bentuk komunikasi yang mampu mengangkat peradabannya sendiri. Hal inilah yang dikatakan "kesukmaan"

tersebut. Dengan kata lain pengamal komunikasi, pengguna media, dan pelajar serta pengendali polisi komunikasi perlulah membina penghayatan wacana komunikasi sebagai suatu proses membina jati diri bangsa, dan teknologi medianya pula mestilah mematuhi rukun-rukun kesukmaan tadi seperti adat, budaya, agama, dan patriotisme.

Cuma proses pengajian media dan pengamalan komunikasi sahaja yang perlu diubah memandangkan entimem media moden lebih mengarah kepada wujudnya fungsi kembar kepada setiap orang dalam arus komunikasi tersebut - sebagai penyampai dan sebagai penerima - dan proses-proses pemahaman, penilaian, dan keputusan ke atas subjek dilakukan oleh individu itu sendiri tanpa melibatkan lagi hubungan muka ke muka seperti wacana komunikasi klasik.

Dakwat dan kertas, *word processer* dan *printer* (pencetak), kamera filem, kamera video, skrin bingkai kecil dan besar - semuanya mestilah mengangkat kefahaman mengenai perlunya budaya yang dinamik. Dengan kata lain retorik akan memastikan perjalanan komunikasi dengan menggunakan apa sahaja teknologi dan jaringan siberisme adalah suatu usaha ke arah melahirkan peradaban dan jati diri yang lebih baik dan lebih harmoni. *Rhetoric has always been open to the charge from philosophy of lack of system, but that feature is its virtue as well as its short-coming and is related to the special relation "rhetoric" itself signifies between theory and practice.* Lihat Eagleton (1983).

Mayatilik siberisme dan teknologi multi media tidak akan menjadi sesuatu yang bersifat tamadun jika rukun-rukun retorikal dibuang dan dibiarkan di sebalik tabir kerana dalam setiap pengajian media yang unggul dan jujur sesiapa pun tidak dapat menolak kepustakaan (*dynamic and super sophisticated*) proses komunikasi itu adalah masih bergantung dan bergerak daripada kemantapan jangkasa penciptaan dan pelaksanaannya. Dengan itu keupayaan pengkaryaan melalui media penulisan, dan kemantapan pemikiran, serta kebolehan-kebolehan perucapan secara berseni, estetik, dan berfalsafah amat penting. Retorik melihat penyatuan ini - menjauharkan pemikiran, melestarikan pengkaryaan, dan memodenkan penyampaian, dan kesemuanya mestilah membina jangkasa yang masih bertolak dari mayatilik humanisme dan kesukmaan teknologi. Media yang serba *smart* tidak akan bermakna tanpa kesempurnaan moral, komunikasi yang serba terbuka tidak akan berguna jika meruntuhkan tamadun, dan apa pun yang berubah tidak semestinya merubah nilai dan norma kepercayaan serta jati diri. Ini kerana pegangan terhadap pengukuhan nilai-nilai kemanusiaan adalah langkah terbaik untuk menyekat penyalahgunaan dan kesilapan semasa menggunakan teknologi media siber. Manusia yang mencipta teknologi dan ini bukannya bermakna teknologi harus mengawal manusia.

MENGUASAI TEKNOLOGI, MENERUSKAN AGENDA

Dalang, pawang, bidan, dan penglipur lara Melayu mungkin terduduk dan menghembuskan nafas pengkaryaan mereka jika diberitahu bahawa segala hasil mahsul retorikal (sastera dan seni) mereka selama ini sebenarnya tidak boleh dipakai dan menyekat kemaraan siberisme, sekali gus menyebabkan sebahagian ahli masyarakat digelar "tarzan di tengah

kota elektrik". Demikianlah setidak-tidaknya kita diberitahu tentang kemungkinan akan berlakunya kepupusan dan penghinaan terhadap bentuk dan sistem retorik terawal.

Kemunculan teknologi media elektronik selama inipun telah mewacanakan keluhuran hukum retorik sehingga semua idea dan hujahan cuba untuk masuk dan menguasai media elektronik. Filem, video, dan cakera padat komputer bersungguh-sungguh mengemukakan kelebihan dan kesempurnaan aliran komunikasi yang menggunakan teknologi elektronik ini sehingga mengemukakan andaian bahawa komunikasi yang baik ialah khalayak atau penerima berfungsi sebagai penyampai, dan wacana elektronik mengaktifkan komunikasi ke arah lebih dialektik. Maka retorikpun terpenuhi.

Dua hujahan komparatif tersebut menggambarkan kemungkinan-kemungkinan perbalahan yang akan berlaku dalam menemukan hubungan antara "menguasai teknologi" dan "meneruskan agenda (sedia ada)". Dalam perucapan primer, dinamisme perkataan atau bahasa sudah terbaik tetapi tidak begitu berkembang. Dan, di dalam perucapan sekunder (elektronik), dinamikanya perkataan atau bahasa yang diperucapkan itu bukan sekadar terbaik tetapi lebih nyata dan mantap. Tidak dinafikan di dalam perucapan lisan dan perucapan tulisan segala penerangan dan penghuraian tentang subjek sudah jelas dan menyakinkan. Tetapi dengan menggunakan komunikasi multi media dan perucapan elektronik, kata-kata lisan dan kata-kata dalam tulisan itu menjadi lebih *empowering* sehingga segala bentuk dan cita rasa yang hendak diluahkan terpapar secara realiti dan begitu hakiki. Dengan kata lain, wacana lisan sekarang menjadi unggul dan tersebar melalui wacana elektronik. Situasi ini meletakkan retorik klasik - yang sentiasa mengingatkan tentang enkoder, dekoder, dan budaya, sebagaimana dalam teks-teks klasik - diperbaharui bahkan dipermantapkan ruang disiplinnya. Dengan kata lain, wacana retorikal klasik yang terbina dan tersebar hasil daripada proses komunikasi lisan dan tulisan, serta disokong oleh media-medianya tidaklah terpusus dan terbiar tetapi diadikarakan melalui jangkasa serta nilai yang lebih saintifik dan global - berwajah siber. Lihat dalam Benjamin (1969).

Around 1900 technical reproduction had reached a standard that not only permitted it to reproduce all transmitted works of art and thus to cause the most profound change in their impact upon the public; it also had captured a place of its own among the artistic processes. For the study of this standard nothing is more revealing than the nature of the repercussions that these two different manifestations - the reproduction of works of art and the art of the film - have had on art in its traditional form.

Teknologi akan sentiasa berkembang dan diperbaiki apabila berlakunya tuntutan ke atas *invention*nya dari tekanan-tekanan keperluan untuk kehidupan. Tetapi kesenian, kebudayaan, dan kemanusiaan tidak boleh diubah-ubah dan diperbaharui sesuka hati kerana sebahagian kemunculannya dan kewujudannya adalah daripada jati diri dan jiwa masyarakat itu sendiri. Begitulah bahasa, dan simbol-simbol yang berkembang melaluinya. Secara waras tidak akan ada sesiapa yang boleh menghalang kemaraan teknologi, tetapi setiap orang mempunyai tanggung jawab mempertahankan nilai diri, keharmonian komuniti, dan keamanan pertiwi. Teknologi jika berpatah kaki sekalipun menghambatnya

ia akan terus berkembang tetapi sekali tumbang mempertahankan jati diri dan jangkasa bangsa ianya tidak akan kembali lagi. Demikianlah retorik cuba berpesan kepada seluruh pengamal komunikasi, pencipta teknologi media, dan para bakal profesional terutama yang sedang berada di institusi pengajian media bahawa kelangsungan akal fikir dan akal rasa tidak akan berjaya tanpa menguasai teknologi, tetapi fenomena komunikasi akan lebih sempurna dan anggun jika berjaya meneruskan agenda seni, budaya, dan kemanusiaan yang murni - yang sedia ada.

Plato dan Socrates ketika membicarakan kepentingan retorik dalam melangsungkan pemikiran dan tindakan komunikasi manusia menegaskan perlunya hubungan primer di antara perucapan batiniah (*inner speech- dan perhubungan dengan jiwa atau rohaniah*) dengan perucapan zahiriah (*outer speech*). Bagi mereka retorik dan dialektik dalam maksud pengajian media itu ialah satu pengetahuan mengenai gerakan berhubung dengan melihat aktiviti-aktiviti singular; amalan tarik dan tolak dalam proses konversasi melalui apa sahaja medium dengan orang lain, tetapi, retorik misalnya, cuba meneroka pembaharuan-pembaharuan walaupun menggunakan agenda-agenda yang sudah menjadi kebiasaan untuk semua orang menggunakannya. Dalam Walch (1990), dinyatakan:

The platonic stance towards rhetorical arts and instruction is synthetic and artful, shaped from unexpected material into new forms that are, at best, suggestions of things not seen. The Socratic role requires, in addition, a kind of playfulness and suspension of goal-directed behavior that is unlikely to sit well with responsible institutions of higher learning or teachers anxious about productivity in the classroom, specifically about written products – papers, essays, themes, theses, scholarly articles, and so on.

Keseronokan bermain dengan visual dan muzik tidak menjamin kemantapan bidang komunikasi dan pengajian media itu. Perucapan fikiran dan perasaan, serta per lukisan pengalaman baik dan pengalaman buruk, penceritaan tentang hitung nasib kehidupan sekeliling, serta ideologi-ideologi ke arah pembinaan tamadun tidak akan menjadi nyata dan terhurai sepenuhnya tanpa peranan lisan dan tulisan. Filem, video, dan cakera padat visual hanyalah medium yang mampu mempertontonkan aksi dan emosi secara nyata, tetapi tidak akan berupaya sepenuhnya untuk membentuk kefahaman dan jangkasa pemikiran kerana keupayaannya terdapat dalam perucapan lisan dan tulisan. Tetapi perucapan lisan dan tulisan juga tidak akan menjadi gah dan berkesan tanpa dibantu oleh visual kerana dhamiri manusia yang sering kali lebih tertarik kepada fenomena-fenomena yang bergerak berbanding susunan-susunan kata. Sebab itulah ketika pantun, syair, peribahasa, dan hikayat dibaca sebahagian besar khalayak tidak dapat mengikuti dan menafsirkannya secara sempurna kerana media lisan, dan media cetak tidak dapat memaparkan segala situasi dan emosi dengan realis. Dan pada tahap ini retorik mengaku penguasaan teknologi amatlah penting terutama dalam arus pemikiran multi media, dan dunia limpahan maklumat ini.

Namun, dalam pengakuan itu, retorik mahu memberitahu bahawa segala kerja dan penghasilan media tidak akan menjadi baik dan membanggakan jika menolak agenda-agenda (yang dianggap klasik) yang begitu setia dan patuh mempertahankan wacana sosial, politik, dan kemanusiaan. Apa pun yang terhasil dari proses komunikasi awal telah menjadi dokumen peradaban bangsa: adalah tidak sopan untuk kita yang serba berteknologi ini mengelektrikkan diri kita sehingga membinasakan jangukasa, jati diri, dan mayatilik bangsa yang sekian lama memberi nama kepada diri kita. Hal inilah yang perlu difahami oleh semua pengamal komunikasi dan pengguna media.

NOTA

¹Mayatilik - diambil dan disesuaikan dari kata "maya" yang bermaksud dunia, jagat, alam, dan kehidupan di atas muka bumi. Dan perkataan "tilik" yang menjelaskan tentang melihat sesuatu secara teliti, terperinci, dan berkonsepkan kefahaman seperti berpandangan jauh, cendekia, dan bijaksana. Mayatilik dalam ertinya menjelaskan konsep-konsep *weltanschauung*, *point of view*, ideologies, dan sudut pandangan tetapi deskriptifnya lebih meluas iaitu mencakupi penghuraian tentang nilai, bentuk, dan fungsi ketamadunan. Mayatilik memperlihatkan makna sebagai satu gerakan ke arah mencapai tamadun dan peradaban oleh sesuatu bangsa melalui pengukuhan ekonomi, sosial, dan politik yang bersandarkan nilai-nilai budaya dan agama yang kukuh. Mayatilik berkongsi pengertiannya dengan konsep-konsep seperti *Renaissance*, order baru dunia, dan globalisme.

²Jangukasa - gabungan dua kata Melayu iaitu kata "janguk" (terpinjam dari istilah dialek Kelantan) yang bermaksud cantik, indah, pesona, iaitu satu amalan menghiaskan diri sehingga menampakkan sifat-sifat istimewa, menarik, dan memikat. Mendekati makna pembujukan dalam amalan retorikal. Dan kata "kasa" yang bermakna tegap, kuat, kental, kukuh dan sempurna. Jangukasa dalam maksudnya menghuraikan suatu nilai bercirikan dan mewakili sifat-sifat estetika, falsafah, dan etika.

BIBLIOGRAFI

- Douglas Hofstadter. 1979. "Are Computers Super-Flexible or Super-Rigid", *Gödel, Escher, Bach: An Internal Braid*, New York: Basic Books, Inc., hal. 297-299
- Hans M. Enzensberger. 1974a. "Constituents of a Theory of the Media", dalam Michael Roloff (ed.) *The Consciousness Industry: On Literature, Politics, and the Media*. New York: Seabury, hal. 95-128
- Hans M. Enzensberger. 1974b. "The Industrialization of the Mind", dalam Michael Roloff (ed.), *The Consciousness Industry: On Literature, Politics, and the Media*. New York: Seabury. hal. 6
- Lloyd F. Bitzer. 1968. *Philosophy and Rhetoric*, Pennsylvania State University Press, hal. 1-14.
- Rujuk Kathleen E. Walch. 1993. "Electrifying Classical Rhetoric: Ancient Media, Modern Technology, and Contemporary Composition".
- Terry Eagleton. 1983. *Literary Theory. An Introduction*, Minneapolis: University of Minnesota Press, hal. 207
- Walter J. Ong. 1990. *The Presence of the Word*, lihat dalam huraian oleh Kathleen E. Welch, "Electrifying Classical Rhetoric: Ancient Media, Modern Technology, and Contemporary Composition", *Journal of Advanced Composition*, siri 10.1, hal. 22-28
- Walter Benjamin. 1969. "The Work of Art in the Age of Mechanical Reproduction", dalam Harry Zohn (terj.), *Illuminations*, New York: Schocken, hal. 220